



## LANGKAH-LANGKAH PENJAGAAN SEMASA CUACA TIDAK MENENTU BAGI PENGUSAHA TERNAKAN IKAN DALAM SANGKAR




Memindah dan menyimpan benih ikan di dalam kolam atau tangki dengan persekitaran yang terkawal mengikut garispandu Amalan Baik Akuakultur atau menempatkannya di posisi tengah-tengah sangkar jauh dari arus air kuat

Memastikan benih ikan adalah bebas dari sebarang penyakit mengikut keputusan ujian makmal Jabatan Perikanan





Memasukkan benih ikan pada kadar yang rendah iaitu 30 ekor/m<sup>3</sup>.

Mengendalikan ikan dengan betul semasa stocking seperti menyelaraskan (acclimatization) kemasinan dan suhu air selama 5-10 minit dan perbezaan kemasinan dan suhu air pada kadar 1-2ppt sahaja




Pukat sangkar hendaklah didalamkan sehingga keparas kedalaman 3-meter atau lebih bergantung kepada kedalam tapak sangkar



Memastikan sauh pukat di posisi yang betul bagi mengelak pukat berlaga antara satu sama lain yang boleh merosakkan struktur sangkar ikan tersebut

Memastikan struktur-struktur sangkar kuat dan selamat serta ditambat dengan kukuh selaras dengan Syarat-Syarat Lesen Ladang Ternakan Ikan (Dalam Sangkar) Di Bawah Peraturan 4 (3) Peraturan-Peraturan Perikanan (Ladang Ternakan Ikan), 2002 Perintah Perikanan, 2009.



Sebagai langkah-langkah keselamatan, pengusaha ternakan ikan dalam sangkar bolehlah merujuk kepada laman sesawang resmi Jabatan Perikanan di [www.fisheries.gov.bn](http://www.fisheries.gov.bn).



@JabatanPerikanan.bn



Department of Fisheries



Enquiry@fisheries.gov.bn